

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN MOHAMAD
[LIPIS]**

TARIKH : 13.3.2018 (SELASA)

SOALAN :

Dato' Haji Abdul Rahman Bin Mohamad [Lipis] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian untuk meneruskan usaha menaik taraf bangunan sekolah, kuarters guru, asrama, tandas, bilik darjah dan dewan di semua sekolah luar bandar di Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk menambahbaik dan menaik taraf fasiliti pendidikan bagi memastikan persekitaran pembelajaran yang selamat dan kondusif melalui pelbagai program pembangunan antaranya ialah;

- i. Tabung Penyelenggaraan & Penambahbaikan (PPKHas)
- ii. Projek Pembangunan Semula Sekolah Daif Secara IBS
- iii. Projek pendawaian /kerja elektrik sekolah-sekolah di Sarawak dan Sabah
- iv. Projek naik taraf makmal sains
- v. Fasa 4 projek menyediakan bekalan elektrik 24 jam di sekolah-sekolah luar bandar di semenanjung & Sabah

KPM juga menyalurkan peruntukan pembaikan/ naik taraf fasiliti sekolah berdasarkan keutamaan skop yang disyorkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Bagi kerja-kerja pembaikan yang memerlukan kepakaran teknikal, keutamaan dan pelaksanaan kerja akan dirujuk kepada Agensi Teknikal.

RJM27